

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Awang Had Salleh Graduate School
Sent: Wednesday, February 21, 2018 10:19 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AHSGS INVITED SPEAKER SERIES YANG PERTAMA TERIMA SAMBUTAN TINGGI DALAM KALANGAN PELAJAR



Awang Had Salleh
Graduate School
Of Arts And Sciences
Universiti Utara Malaysia

21 February 2018 | 6 Jamadilakhir 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt and Salam Sejahtera dari AHSGS.



20 Februari 2018: Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences telah mengadakan AHSGS *Invited Speaker Series* yang pertama pada tahun 2018 dengan jayanya. Sesi ini telah disampaikan oleh Prof. Dato' Dr. Alias Abdullah, Ketua Kluster Kejuruteraan dan Alam Bina, Majlis Profesor Negara (MPN) bertajuk "*Thesis Writing & Examination from the Perspective of Examiners*" di Dewan Seminar, UUM CAS.

Fokus utama sesi ini adalah untuk membantu para pelajar pascasiswazah dalam menyiapkan diri dalam penulisan tesis dan menghadapi ujian lisan tesis (*viva voce*) kelak. Pelbagai tips dan perkongsian pengalaman beliau sebagai pemeriksa tesis telah dikongsi semasa sesi berkenaan.

Seramai 172 orang peserta telah menghadiri sesi ceramah ini yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah UUM dan para pensyarah UUM sendiri. Sesi ceramah selama dua jam setengah ini dimulakan dengan aluan oleh Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences, Prof. Dr. Abdull Sukor Shaari.

Prof. Dr. Abdull Sukor Shaari mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Dato' Dr. Alias Abdullah kerana sudi hadir ke Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk berkongsi ilmu dan pengalaman beliau dalam dunia akademik terutama dalam penulisan tesis. Ceramah sebegini amatlah bermanfaat kepada para pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah dalam meneruskan pengajian mereka. Beliau menyampaikan penghargaan berikutan sambutan penyertaan yang amat menggalakkan dari kalangan pelajar pascasiswazah dalam program sebegini.

Sebelum sesi ceramah dimulakan Prof. Dato Dr. Alias Abdullah diiringi oleh Dekan AHS GS telah dibawa melawat Anjung Tamu UUM dan Managers Coffee. Beliau berasa teruja dengan fasiliti yang disediakan oleh pihak UUM dalam menyediakan suasana yang kondusif kepada para tetamu dan pelajar UUM sendiri.

-TAMAT-



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.